

Garis Panduan Menyimpan/ Menjual Petrol/ Diesel

1. Perniagaan menyimpan dan menjual petroleum/ disel boleh dibenarkan dijalankan dikawasan perindustrian atau di dalam mana-mana premis yang telah dirancang bagi tujuan tersebut dan telah diluluskan secara dasar oleh Majlis Daerah Bentong.
2. Bangunan hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa, mana-mana bahagian bangunan yang sudah buruk dan kotor hendaklah diperbaiki dan disapu cat/ kapur dibahagian luar serta dalam bangunan.
3. Kemudahan-kemudahan sanitasi/ tandas hendaklah disediakan dalam premis tersebut dan hendaklah dijaga dalam keadaan baik dan sempurna serta bersih pada setiap masa.
4. Meyediakan sekurang-kurangnya sebuah peti ubat kecemasan yang lengkap dengan ubat-ubatnya.
5. Mengadakan tong sampah yang cukup, jenis yang diperakui oleh Majlis.
6. Kebersihan longkang dan lantai bangunan hendaklah dijaga selalu. Mana-mana longkang yang sudah tersumbat dan rosak hendaklah dibaiki dengan segera.
7. Tempat awam (kaki lima, longkang awam, lorong, jalan susur dan sebagainya) hendaklah bebas dari sebarang halangan setiap masa.
8. Memastikan semua sistem pengudaraan kipas angin/ alat penyaman udara sentiasa berjalan dengan baik dan memperbaikinya dengan segera jika didapati rosak.
9. Menyediakan notis amaran "DILARANG MEROKOK" dalam bangunan premis baik pada setiap masa. Meletak selinder-selinder gas dan mematuhinya setiap masa.
10. Mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam pelan yang telah diluluskan oleh Majlis ini.
11. Memastikan kerja-kerja mengisi/ mengeluarkan minyak dijalankan di dalam keadaan selamat terkawal pada setiap masa.
12. Bilangan alat pemadam api yang cukup disahkan oleh Pegawai Bomba hendaklah disediakan. Pekerja-pekerja mestilah tahu cara-cara menggunakannya.
13. Sebarang sambungan atau tambahan yang hendak dibuat kepada bangunan asal hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Majlis Daerah Bentong.
14. Mengambil langkah yang sesuai supaya sebarang kegiatan yang dijalankan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada orang ramai.

15. Menyempurnakan syarat-syarat pelesenan yang tersebut di atas dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat serta mematuhiya sepanjang tahun.